

Kejujuran dan keikhlasan asas persefahaman

UB 22.02.2012 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

SELAMAT menyambut Maal Hijrah ke 1433 hijrah kepada semua masyarakat Malaysia. Bertepatan dengan tema pada tahun ini 'Persefahaman Asas Perpaduan Ummah' maka marilah kita semua sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, memegang pelbagai kepercayaan namun sebolehnya Islam adalah agama rasmi negara harus dihormati oleh semua agama. Dalam mengejar kemajuan dan peningkatan ekonomi negara haruslah melihat di mana bumi dipijak supaya langit yang dijunjung juga tidak bocor. Pepatah orang dulu-dulu juga amat bertepatan

supaya setiap orang selagi bergelar insan harus bersedia untuk bertoleransi antara satu sama lain. Sekiranya pendapat yang dikemukakan tidak mendapat sokongan ramai, maka dalam konteks demokrasi ia wajar dihormati dan pemberi pendapat juga perlu akur bahawa ideanya kurang membuka selera kepada pihak yang lain. Justeru itu mungkin tidak bersesuaian pada waktu itu namun mungkin sesuai dalam situasi yang lain.

Justeru itu sekiranya tidak relevan dengan keadaan semasa maka seharusnya ia tidak boleh menimbulkan isu yang sensitif dan melobi untuk diterima ideanya. Keadaan itu akan menimbulkan keadaan yang panas dan maka terjadilah senario berpuak-puak dalam masyarakat apatah lagi dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi. Maka akan terjadilah pilih kasih malah akan timbul

penyalahgunaan kuasa dalam pelantikan, pengurusan dan sebagainya. Lantaran itu, sekiranya semua genap lapisan menyedari kekuatan istilah persefahaman itu maka akan berlaku keadilan dan saksama dalam segenap bidang yang diamanahkan. Terutamanya sebagai penjawat awam yang tertakluk di bawah bidang eksekutif kerajaan dan pemegang amanah yang melaksanakannya ialah Jabatan Perkhidmatan Awam harus menyedari bahawa setiap pelantikan dan kenaikan pangkat, tatatertib, elaun-elaun yang layak dan sebagainya haruslah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Awam.

Seseorang penjawat awam tidak akan terlepas daripada tindakan sekiranya menyalahgunakan kuasa sama ada ketika memegang tampuk pentadbiran mahupun selepas bersara.

Justeru itu dalam mencari rezeki yang halal dalam menampung kewangan keluarga sudah tentu perlu mengikut undang-undang yang telah ditetapkan. Ini disebabkan rezeki yang diberikan kepada anak-anak melalui sumber yang haram akan memberi kesan kepada perkembangan dan pertumbuhan mental serta spiritual anak-anak. Apatah lagi sekiranya kita kembali mengadap Ilahi maka anak-anaklah yang akan mendoakan kita, maka ketika itu kita telah mendapat pencen kubur. Namun sekiranya anak-anak yang dididik dengan mental dan spiritual yang kurang sesuai, mempunyai pegangan yang di luar normal adakah mereka akan sentiasa memberikan pencen kubur kepada ibu bapanya?

Pada ketika itu bercucuran air mata darah pun tidak mampu memberikan sebarangerti kerana tatakelakuan anak-anak adalah cerminan

kepada corak didikan kedua ibu bapanya. Justeru itu dalam melahirkan pemimpin pelapis negara pelbagai program telah diatur, namun adakah menekankan pembentukan modal insan yang berkualiti? Berkualiti bagi sesetengah pendapat bermaksud merangkumi keupayaan dalam mengurus hidup dalam susah dan senang, toleransi namun berprinsip, mempunyai pegangan akidah yang kental, berkepimpinan yang memegang tonggak 12, mahir berkomunikasi serta jujur dalam bertingkhalku dan tahan dengan ujian mental dan fizikal serta mampu mengekalkan jati diri seperti berfikiran global namun bertindak global. Tidak mudah terdorong untuk melakukan sebarang kerosakan kepada diri, masyarakat dan negara.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP, UMS